



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2006**

---

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN  
RENJER HUTAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk mengubah skim perkhidmatan Renjer Hutan Gred G17, G22, G26 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah mengiktiraf kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan yang dikeluarkan mulai 3 Jun 2004 oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebagai setaraf dengan kelayakan Sijil Institut Pertanian (SIP) daripada Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Jabatan Pertanian Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak. Selaras dengan keputusan tersebut, perbekalan syarat lantikan dan gaji permulaan kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan dalam skim perkhidmatan Renjer Hutan Gred G17, G22, G26 diubah sewajarnya sesuai dengan pengiktirafan tersebut.

## **SKIM PERKHIDMATAN RENJER HUTAN**

3. Syarat lantikan dan gaji permulaan baru ke skim perkhidmatan Renjer Hutan adalah seperti berikut:-

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada institut latihan perhutanan kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T4); atau

- (ii) Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T8)

4. Skim perkhidmatan Renjer Hutan yang diubah adalah seperti di **Lampiran A**. Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan tersebut serta penghuraian tugasnya adalah seperti di **Lampiran B** dan **C**. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran D, D1** dan **D2**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

5. Tarikh kuat kuasa syarat lantikan dan gaji permulaan baru ke skim perkhidmatan Renjer Hutan adalah mulai **1 Julai 2004**.

## **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

6. Selaras dengan pengiktirafan kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan yang dikeluarkan mulai 3 Jun 2004 oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebagai setaraf dengan kelayakan SIP, maka gaji permulaan bagi Renjer Hutan Gred G17 ditetapkan seperti berikut:

- (a) lantikan baru Renjer Hutan Gred G17 dengan kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan yang dikeluarkan pada atau selepas 3 Jun 2004 oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mulai 18 Januari 2006 iaitu tarikh pekeliling perkhidmatan ini dikeluarkan ditetapkan di matagaji P1T8: RM939.44;
- (b) lantikan baru Renjer Hutan Gred G17 dengan kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan yang dikeluarkan pada atau selepas 3 Jun 2004 oleh Institut Latihan Perhutanan kerajaan selain daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mulai 18 Januari 2006 iaitu tarikh pekeliling perkhidmatan ini dikeluarkan ditetapkan di matagaji P1T4 : RM779.72;
- (c) lantikan baru Renjer Hutan Gred G17 dengan kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan yang dikeluarkan sebelum 3 Jun 2004 oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau mana-mana Institut Latihan Perhutanan kerajaan mulai 18 Januari 2006 iaitu tarikh pekeliling perkhidmatan ini dikeluarkan ditetapkan di matagaji P1T4: RM779.72;
- (d) Renjer Hutan Gred G17 yang sedang berkhidmat serta memiliki Sijil Perhutanan Renjer Hutan yang dikeluarkan pada atau selepas 3 Jun 2004 oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan berada di matagaji P1T7 dan ke bawah akan ditetapkan di matagaji P1T8: RM939.44 pada 1 Julai 2004;
- (e) Renjer Hutan Gred G17 yang sedang berkhidmat serta memiliki Sijil Perhutanan Renjer Hutan yang dikeluarkan sebelum 3 Jun 2004 oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau mana-mana Institut Latihan Perhutanan kerajaan dan berada di matagaji P1T3 dan ke bawah akan ditetapkan di matagaji P1T4: RM779.72 pada 1 Julai 2004; dan
- (f) Renjer Hutan Gred G17 yang sedang berkhidmat serta memiliki Sijil Perhutanan Renjer Hutan yang dikeluarkan sebelum 3 Jun 2004 oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau mana-mana Institut Latihan Perhutanan kerajaan dan berada di matagaji P1T4 dan ke atas atau

yang berada di gred kenaikan pangkat pada 1 Julai 2004 adalah tidak terlibat dalam pelarasan gaji ini.

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan pegawai adalah seperti berikut:
  - (i) Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) asal pada 1 Julai dan 1 Oktober yang sepatutnya diterima oleh pegawai yang terlibat dengan penetapan gaji ke matagaji permulaan baru hendaklah diberi di gred asal terlebih dahulu sebelum diselaraskan ke gred baru; dan
  - (ii) pegawai yang berada di matagaji P1T3 yang mana Tarikh Pergerakan Gaji tahunannya pada 1 Julai atau 1 Oktober hendaklah diberi pergerakan gaji terlebih dahulu pada 1 Julai 2004 ke matagaji P1T4. Oleh yang demikian pegawai tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

8. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) pegawai adalah seperti berikut:
  - (i) Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dengan penetapan gaji ke matagaji permulaan baru akan diubah kepada 1 Julai tahun berikutnya. TPG baru ialah mulai 1 Julai tahun berikutnya; dan
  - (ii) pegawai yang berada di matagaji P1T3 pada 30 Jun 2004 yang mana TPG tahunannya pada 1 Oktober akan diubah kepada 1 Julai 2005.
9. Contoh-contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pegawai yang terlibat adalah seperti di **Lampiran E, E1, E2**.


## **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuatkuasanya skim perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Renjer Hutan yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeling perkhidmatan ini.

## **PEMAKAIAN**

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATO' SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

18 Januari 2006

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## LAMPIRAN A

### SKIM PERKHIDMATAN RENJER HUTAN

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PERTANIAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JULAI 2004

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>					
<b>Gred G17</b>	:	P1T1	RM659.93	-	P1T24	RM1724.73
		P2T1	RM701.07	-	P2T24	RM1821.53
		P3T1	RM743.42	-	P3T24	RM1921.96
<b>Gred G22</b>	:	P1T1	RM1535.97	-	P1T12	RM2274.07
		P2T1	RM1649.71	-	P2T12	RM2511.23
<b>Gred G26</b>	:	P1T1	RM1761.03	-	P1T9	RM2390.23
		P2T1	RM1929.22	-	P2T9	RM2616.50

#### SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - warganegara Malaysia;
    - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada institut latihan perhutanan kerajaan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T4); atau
      - Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T8).
- dan
- lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pengawas Hutan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Renjer Hutan Gred G17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan  
(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred G17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Renjer Hutan Gred G17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Renjer Hutan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

6. Renjer Hutan Gred G17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Renjer Hutan Gred G17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;  
(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan  
(c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

9. Renjer Hutan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED G22**

10. Renjer Hutan Gred G17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Renjer Hutan Gred G22 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;  
(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;  
dan

(d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED G26**

11. Renjer Hutan Gred G22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Renjer Hutan Gred G26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;  
dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEMELIHARA  
HUTAN**

12. Renjer Hutan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

## LAMPIRAN B

### IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Renjer Hutan  
(b) Kementerian/Jabatan : -  
(c) Kumpulan : Sokongan  
Perkhidmatan  
(d) Klasifikasi : Perkhidmatan Pertanian  
Perkhidmatan
  
2. Jadual Gaji : 

	Gaji Matriks				
Gred G17	P1T1	RM659.93	-	P1T24	RM1724.73
	P2T1	RM701.07	-	P2T24	RM1821.53
	P3T1	RM743.42	-	P3T24	RM1921.96
Gred G22	P1T1	RM1535.97	-	P1T12	RM2274.07
	P2T1	RM1649.71	-	P2T12	RM2511.23
Gred G26	P1T1	RM1761.03	-	P1T9	RM2390.23
	P2T1	RM1929.22	-	P2T9	RM2616.50
  
3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada institut latihan perhutanan kerajaan yang diiktiraf kerajaan.  
(Gaji permulaan pada Gred G17: P1T4); atau  
(ii) Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan pada Gred G17: P1T8).

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Renjer Hutan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh ketua jabatan/perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.

**PENGHURAIAN KERJA RENJER HUTAN**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Renjer Hutan Gred G17, G22, G26

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

2.1 Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia

2.2 Jabatan Perhutanan Negeri-Negeri

2.3 Institut Latihan Perhutanan

**3. RINGKASAN TUGAS**

3.1 Bertanggungjawab menjalankan pengawasan dan pemeriksaan ke atas kegiatan-kegiatan pembalakan dan aktiviti hiliran industri berasaskan kayu dengan mengambil tindakan penguatkuasaan bagi kes-kes kesalahan hutan. Bagi aktiviti pembangunan, bertanggungjawab ke atas pengawasan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di lapangan dan penyediaan maklumat yang berkaitan.

**4. BIDANG TUGAS**

Secara amnya bidang tugas Renjer Hutan adalah seperti berikut:-

4.1. Bidang tugas Renjer Hutan Gred G26

- a) Mengetuai pasukan penguatkuasaan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri dalam membuat pemeriksaan kawasan lesen pembalakan yang sedang berkuat kuasa;
- b) Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri membuat siasatan aduan-aduan kesalahan hutan yang diterima;

- c) Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri menjalankan pemeriksaan pemindahan kayu balak dengan mengadakan sekatan jalan raya dan pemeriksaan kilang papan;
- d) Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri menjalankan pemeriksaan ke atas premis kilang berasaskan kayu berdasarkan Anakmen Industri Berasaskan Kayu;
- e) Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri dalam persediaan kawasan tender/sebutharga dan lelongan kayu balak rampasan;
- f) Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri membuat pemeriksaan mengejut ke betau kayu import dari luar negara;
- g) Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri dalam pemeriksaan ke atas pengusaha hasilan kayu bakau;
- h) Mengetuai pasukan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri dalam pemeriksaan ke atas operasi kerja di Balai Pemeriksaan Hutan; dan
- i) Membantu Pegawai Penyiasat dalam menjalankan siasatan dan penyediaan Kertas Siasatan bagi kes-kes kesalahan hutan;

#### 4.2. Bidang tugas Renjer Hutan Gred G22

- a) **Projek Ladang Hutan Getah Swasta/Perintis JPSM**
  - i. Menyediakan maklumat yang telah dikumpulkan;
  - ii. Menjalankan semakan kerja-kerja penyelenggaraan;
  - iii. Menyelia kerja menyukat dan mengukur data;

- iv. Menyediakan laporan kemajuan kerja; dan
- v. Membantu memberi khidmat nasihat.

**b) Tapak Semaian**

- i. Menyelia kerja-kerja menabung;
- ii. Menyediakan laporan kemajuan kerja;
- iii. Memastikan rekod-rekod keluar masuk anak pokok dikemaskini;
- iv. Memastikan kawasan sentiasa bersih dan terurus;
- v. Menyelia kerja-kerja menyemai anak pokok;
- vi. Membuat semakan ke atas kerja-kerja penyelenggaraan; dan
- vii. Mengetuai pasukan penguatkuasaan Unit Penguatkuasaan Hutan, Pejabat Hutan Negeri dalam membuat pemeriksaan kawasan lesen pembalakan yang sedang berkuat kuasa.

**4.3. Bidang tugas Renjer Hutan Gred G17**

- a) Memeriksa dan mengesahkan kawasan-kawasan permohonan kawasan pembalakan;
- b) Menyediakan sempadan-sempadan kawasan cadangan untuk dikeluarkan lesen membalak;
- c) Membuat rondaan ke atas kawasan HSK dan Hutan Tanah Kerajaan bagi mencegah pencerobohan dan pembalakan haram;
- d) Menjalankan kerja-kerja menyukat jalan hutan untuk tujuan pembalakan;
- e) Menjalankan kerja-kerja rondaan di dalam setiap lesen pembalakan agar mengikut garis panduan yang telah ditetapkan;

- f) Mengawal dan menyemak kerja-kerja di Balai Pemeriksaan Jabatan Hutan atas pungutan dan pengeluaran Pas Memindah;
- g) Menyediakan laporan-laporan penutup selari/akhir kawasan-kawasan lesen membalak;
- h) Mengawasi disiplin pegawai-pegawai di bawah jagaan.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### 5.1 Luaran

- Orang awam;
- Jabatan/agensi kerajaan yang lain.

### 5.2 Dalaman

- Rakan sekerja di pejabat/unit/bahagian yang sama;
- Pegawai dan kakitangan dalam organisasi yang sama.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

### 6.1 Dalam Pejabat

- Kawasan Pejabat;
- Pusat Latihan

### 6.2 Luar Pejabat

- Kawasan Pembalakan;
- Rizab Hutan;
- Tapak Semaian;
- Hutan Paya Bakau.

**7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN [PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)**

- Pengetahuan mengenai flora dan fauna;
- Pengetahuan mengenai pemuliharaan alam sekitar.

**8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- Berminat dengan bidang perhutanan;
- Tahan lasak untuk bekerja di lapangan;
- Bersih, cekap dan amanah;
- Berintegrasi;
- Bertanggungjawab;
- Kemahiran berkomunikasi.

**9. ANCAMAN / BAHAYA**

- Terdedah kepada bahaya penyakit berjangkit [zoonotik];
- Terdedah kepada kecederaan diri semasa kerja di lapangan;
- Penyelewengan semasa kerja;
- Kepentingan diri;
- Terdedah pada unsur rasuah.

**JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAN  
SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

**I. GRED GAJI SSM : G17 (RENJER HUTAN)**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : GA17000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.2004**

**JADUAL GAJI SSM : G17**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
<b>P1</b>	659.93	699.86	739.79	779.72	819.65	859.58	899.51	939.44	979.37	1019.30	1059.23	1099.16	1139.09	1192.33	1245.57	1298.81	1352.05	1405.29	1458.53	1511.77	1565.01	1618.25	1671.49	1724.73
<b>P2</b>	701.07	742.21	783.35	824.49	865.63	906.77	947.91	989.05	1030.19	1071.33	1112.47	1153.61	1209.27	1264.93	1320.59	1376.25	1431.91	1487.57	1543.23	1598.89	1654.55	1710.21	1765.87	1821.53
<b>P3</b>	743.42	785.77	828.12	870.47	912.82	955.17	997.52	1039.87	1082.22	1124.57	1166.92	1225.00	1283.08	1341.16	1399.24	1457.32	1515.40	1573.48	1631.56	1689.64	1747.72	1805.80	1863.88	1921.96

**JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAI  
SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

**I. GRED GAJI SSM : G22 (RENJER HUTAN)**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : GA22000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.2004**

**JADUAL GAJI SSM : G22**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>	<b>T9</b>	<b>T10</b>	<b>T11</b>	<b>T12</b>
<b>P1</b>	1535.97	1589.21	1642.45	1695.69	1748.93	1802.17	1880.82	1959.47	2038.12	2116.77	2195.42	2274.07
<b>P2</b>	1649.71	1707.79	1765.87	1823.95	1909.86	1995.77	2081.68	2167.59	2253.50	2339.41	2425.32	2511.23

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAN  
SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

**I. GRED GAJI SSM : G26 (RENJER HUTAN)**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : GA26000**

**III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.2004**

**JADUAL GAJI SSM : G26**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>	<b>T9</b>
<b>P1</b>	1761.03	1839.68	1918.33	1996.98	2075.63	2154.28	2232.93	2311.58	2390.23
<b>P2</b>	1929.22	2015.13	2101.04	2186.95	2272.86	2358.77	2444.68	2530.59	2616.50

**LAMPIRAN E****KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU  
RENJER HUTAN GRED G17**

(Pegawai Memiliki Kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan Oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Atau Mana-Mana Institut Latihan Perhutanan Kerajaan yang Dikeluarkan Sebelum 3 Jun 2004)

Tarikh Kuat Kuasa : **1 Julai 2004**

TPG asal : 1 April

TPG baru : **1 Julai mulai 2005**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang G17 (RM)</b>	<b>Gaji Baru G17 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
30.6.2004	739.79 (P1T3)	-	Gaji akhir pegawai sebelum tarikh kuat kuasa.
1.7.2004	739.79 (P1T3)	779.72 (P1T4)	Tarikh kuat kuasa gaji permulaan baru bagi kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan. Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan baru.
1.7.2005	-	819.65 (P1T5)	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.2006	-	859.58 (P1T6)	TPG. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji  
PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

**LAMPIRAN E1****KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU  
RENJER HUTAN GRED G17**

(Pegawai Memiliki Kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan Oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Atau Mana-Mana Institut Latihan Perhutanan Kerajaan yang Dikeluarkan Sebelum 3 Jun 2004)

Tarikh Kuat Kuasa : **1 Julai 2004**

TPG asal : 1 Oktober

TPG baru : **1 Julai mulai 2005**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang G17 (RM)</b>	<b>Gaji Baru G17 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
30.6.2004	699.86 (P1T2)	-	Gaji akhir pegawai sebelum tarikh kuat kuasa.
1.7.2004	739.79 (P1T3)	-	TPG gred asal ialah pada 1 Oktober. Pegawai diberi Pergerakan Gaji Tahunan pada 1 Julai. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.2004	739.79 (P1T3)	779.72 (P1T4)	Tarikh kuat kuasa gaji permulaan baru bagi kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan. Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan baru.
1.7.2005	-	819.65 (P1T5)	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.2006	-	859.58 (P1T6)	TPG. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji  
PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia

**LAMPIRAN E2****KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU  
RENJER HUTAN GRED G17**

(Pegawai Memiliki Kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan Oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Atau Mana-Mana Institut Latihan Perhutanan Kerajaan yang Dikeluarkan Sebelum 3 Jun 2004)

Tarikh Kuat Kuasa : **1 Julai 2004**

TPG asal : 1 Oktober

TPG baru : **1 Julai mulai 2005**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang G17 (RM)</b>	<b>Gaji Baru G17 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
30.6.2004	739.79 (P1T3)	-	Gaji akhir pegawai sebelum tarikh kuat kuasa.
1.7.2004	779.72 (P1T4)	-	TPG gred asal ialah pada 1 Oktober. Pegawai diberi Pergerakan Gaji Tahunan pada 1 Julai. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.2004	779.72 (P1T4)	-	Tarikh kuat kuasa gaji permulaan baru bagi kelayakan Sijil Perhutanan Renjer Hutan. Pegawai tidak terlibat dengan pelarasan gaji ke matagaji permulaan baru.
1.7.2005	819.65 (P1T5)	-	TPG baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.2006	859.58 (P1T6)	-	TPG. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji  
PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia